

05/10/1997

Anwar jawab media asing

SERDANG: Datuk Seri Anwar Ibrahim menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya wujud kekeliruan berhubung kenyataan beliau dan Perdana Menteri mengenai krisis mata wang dan pasaran saham sekarang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kenyataannya hanyalah melengkapkan perkara yang ditegaskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan perkara itu tidak harus ditafsir secara negatif kerana beliau dan Perdana Menteri bekerja dalam satu pasukan.

"Tidak sepatutnya timbul kekeliruan. Sebagai contoh, semalam Perdana Menteri bercakap mengenai perlunya rakyat mempunyai disiplin dan kesabaran serta bersedia mengambil langkah menangani masalah sementara ini, dengan bijak."

"Sekarang, saya menghuraikan dengan mengatakan disiplin kewangan membabitkan disiplin fiskal bagi pihak kerajaan dan sektor swasta untuk membolehkan import dikurangkan dan menggalakkan tabungan di kalangan orang awam," katanya.

Anwar mengulas laporan majalah TIME keluaran terbaru (6 Oktober) yang mendakwa beliau terpaksa memilih sama ada mempertahankan kenyataan Perdana Menteri atau mengelak kejatuhan lebih buruk pasaran saham.

Mengikuti majalah itu, Dr Mahathir ketika berucap di seminar pertama menjelang Mesyuarat Tahunan Tabung Mata wang Antarabangsa-Bank Dunia (IMF-Bank Dunia) di Hong Kong, berkata Malaysia akan mengharamkan sistem urus niaga tukaran mata wang asing.

Anwar pula, menurut laporan itu menjelaskan kajian serius dijalankan mengenai urus niaga wang asing dan kerajaan tidak berhasrat mengharamkan urus niaga itu di Malaysia.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata: "Saya tidak fikir ini adalah perkara untuk menjelaskan (kenyataan-kenyataan Dr Mahathir)."

"Ia cuma untuk melengkapkan penegasan Perdana Menteri dan sebagai satu usaha untuk memperkenalkan langkah-langkah khusus dan itulah sebenarnya tugas seorang Menteri Kewangan."

Anwar berkata, belanjawan yang akan dibentangkan bulan ini adalah satu contoh bagaimana isu-isu tertentu ditangani dengan menyediakan garis panduan berdasarkan kenyataan pemimpin negara.

Sehubungan itu, Anwar yakin krisis mata wang dan pasaran saham dapat diatasi sekiranya kerajaan, swasta dan rakyat bermuafakat sebagai satu keluarga dalam menanganinya.

(END)